

UMSKAL dinaiktaraf untuk keselesaan pelajar

NST 7.5.2014 4

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainudin@newsabah-times.com.my

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sedang dinaiktaraf untuk keselesaan pelajar di universiti itu.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata kerajaan memperuntukkan kewangan yang banyak untuk menaiktaraf kemudahan tersebut.

Katanya, antara kemudahan tersebut termasuk pembinaan dewan kuliah pusat, menaiktaraf masjid, kafeteria dan kolej kediaman.

Selain itu, klinik kesihatan, perpustakaan, sukan dan rekreasi dan taman asuhan kanak-kanak (Taska) serta kawasan perumahan semi-D.

"Kita akan memastikan semua kemudahan yang telah, sedang dan dibina dan dinaiktaraf itu selesa untuk digunakan oleh pelajar UMSKAL," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat pembangunan dan perkembangan semasa oleh Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali di Bilik Seminar universiti itu, kelmarin.

Beliau meminta pengurusan universiti memantau perkembangan projek pembangunan yang sedang dinaiktaraf bagi memastikan ianya menepati peraturan sedia ada.

Taklimat itu diadakan sempena lawatan sehari beliau untuk meninjau perkembangan semasa di UMSKAL sambil beramah mesra dengan warga universiti.

Turut hadir Timbalan Penndaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Najib Rubin.

Mohd Harun kemudiannya melawat persekitaran kampus untuk meninjau sendiri perkembangan pembangunan fizikal di universiti itu sambil diiringi Ismail dan Ketua Ba-



RASMI ... Mohd Harun merasmikan Menu 1Malaysia di S2 Café UMS Kampus Antarabangsa Labuan diperhatikan Ismail (dua kanan) dan Zamri (kanan).

hagian Pembangunan dan Penyelenggaraan, Md Azri Ag Tanjong.

Beliau turut merasmikan Menu 1Malaysia di S2 Café dan berharap pelajar akan menikmati harga yang berpatutan dan menu yang lebih berkualiti.

Naib Canselor tidak lupa menasihatkan pelajar supaya

menumpukan perhatian terhadap pelajaran selama berada di universiti agar tidak mengecewakan ibu bapa di kampung yang mengharapkan anak-anak mereka berjaya dalam akademik dan sahsiah.

"Pelajar kena tumpukan terhadap bidang utama mereka iaitu menambah ilmu bukan sahaja dalam akademik

tetapi juga sahsiah untuk bekalan menjadi pemimpin yang disegani pada masa akan datang," katanya.

Beliau berharap semua warga universiti akan menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin agar ianya boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang.



TAKLIMAT ... Dr Mohd Harun (dua kiri) mendengar taklimat pembangunan yang disampaikan Dr Ismail (kiri) di Bilik Seminar UMS Kampus Antarabangsa Labuan.



TINJAU ... Mohd Harun (tengah) meninjau persekitaran kafeteria sambil diiringi Ismail (kiri).